

22 JUL 1997

Mahathir-Ringgit

KERAJAAN KAJI TINDAKAN TANGANI SPEKULASI

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji mengenai tindakan yang mungkin diambil bagi menangani masalah spekulasi terhadap Ringgit.

"Saya akan dapatkan maklumat daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kini balik menjadi Timbalan Perdana Menteri, dan Menteri Kewangan. Kalau boleh saya fikir apa-apa cara, saya akan kemukakan pendapat saya.

"Kalau tak boleh, saya ikut sajalah," katanya di Lapangan Terbang Sultan Aziz Shah sekembalinya daripada bercuti selama dua bulan di luar negara.

Serangan spekulasi berterusan terhadap Ringgit, serta juga terhadap baht Thai, rupiah Indonesia dan peso Filipina, mengakibatkan Ringgit jatuh ke paras paling rendah sejak tiga tahun pada 2.62 daripada 2.50 dua minggu lepas.

Hari ini ringgit stabil di pasaran pertukaran wang asing dengan ditutup pada 2.6200/20 berbanding dolar Amerika tetapi paras itu lebih rendah daripada penutupan semalam 2.6150/00 kerana dana di Amerika Syarikat mengambil untung terhadap dolar.

Apabila ditanya sama ada semua Asean akan berusaha bersama untuk menyerang balas terhadap spekulator mata wang negara-negara Asean, beliau hanya menyatakan rasa tidak senang hati terhadap mereka.

"Kebebasan spekulasi telah menjadi senjata politik sehingga memberi kuasa kepada satu orang kerana dia kaya, untuk mereka memaksa negara-negara bebas tunduk kepadanya.

"Kita suka kepada kebebasan berniaga, tetapi jika kebebasan ini disalahgunakan sehingga menyebabkan orang yang miskin menjadi lebih miskin, kerana orang ini kononnya hendak mengadakan perang suci untuk amal, ini bermakna dia samun orang miskin untuk tunjuk bahawa dia adalah orang yang pemurah," katanya.

Mengenai rizab asing Bank Negara yang susut kepada RM61.898 bilion pada 15 Julai daripada RM70.705 bilion pada akhir Jun, disebabkan tindakan Bank Negara cuba untuk menyokong ringgit daripada menjunam, Dr Mahathir berkata: "Saya terpaksa mendengar butiran terperinci."

"Seseorang tidak mengambil keputusan berasaskan kepada satu faktor semata-mata," kata beliau. -- BERNAMA

JR OS MAI